

Pencapaian awal matematik kanak-kanak mengikut tempoh berada di prasekolah dan jantina

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian awal Matematik kanak-kanak, mengenal pastikesan tempoh di prasekolah dan jantina terhadap pencapaian awal Matematik dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Instrumen kajian ini merupakan Pencapaian Awal Matematik (Ginsburg &Baroody, 2003) berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Seramai 1108 orang kanak-kanak prasekolah yang berumur 4+ dan 5+ terlibat dalam kajian ini. Statistik deskriptif, ujian-t bebas dan ujian Ancova menggunakan SPSSversi-21 dengan markah ujian pra sebagai kovariat digunakan. Dapatkan kajian menunjukkan pencapaianawal Matematik kanak-kanak berada pada tahap purata dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian awal Matematik kanak-kanak mengikut jantina. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian awal Matematik kanak-kanak mengikut tempoh di prasekolah. Kajian lanjutan tentang tempoh berada di prasekolah terhadap pencapaian awal Matematik diperlukan untuk menjelaskan dapatan ini.